

BUKIT KAYU HITAM, 19 APRIL (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA KONTRAKTOR YANG DILANTIK UNTUK MEMBINA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DARI SINI KE JOHOR BAHARU SUPAYA MENYIAPKANNYA DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN.

SEKIRANYA MEREKA GAGAL BERBUAT DEMIKIAN, KERAJAAN AKAN MENGENAKAN DENDA DAN SEBALIKNYA JIKA KERJA TERSEBUT SIAP DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN MEREKA AKAN DIBERI SAGUHATI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERMULAAN PEMBINAAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN SEPANJANG 573 BATU DI SINI.

TURUT SAMA DI UPACARA TERSEBUT IALAH MENTERI KERJAYA DAN KEMUDAHAN DATUK S. SAMY VELLU, MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN, MENTERI BESAR PAHANG HAJI ABDUL RAHIM ABU BAKAR, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI ENCIK SANUSI JUNID DAN PENERUSI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA, TAN SRI G.K. RAMA IYER.

PEMBINAAN LEBUHRAYA TERSEBUT TERMASUK JAMBATAN PULAU PINANG, LEBUHRAYA LEMBAH KELANG YANG BARU DAN LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK YANG DIKENDALIKAN OLEH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA DIANGGARKAN MENELAN BELANJA \$3,000 JUTA.—BERSAMBUNG 1540/1B .

B540:

MAHATHIR-LEBUHRAYA 2 BUKIT KAYU HITAM

145

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN LEBUHRAYA SELATAN AKAN MEMBUKA BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK YANG TINGGAL DI SEPANJANGNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA LEBUHRAYA TERSEBUT, APABILA SIAP KELAK, AKAN MERUPAKAN SALAH SEBUAH YANG TERBAIK DI RANTAU INI.

MENURUTNYA, PEMBINAAN LEBUHRAYA ITU JUGA AKAN DAPAT MEMUDAHKAN PERJALANAN HASIL-HASIL PENGELUARAN DI SEPANJANGNYA DI SAMPING MENGURANGKAN PERBELANJAAN.

PERBEZAAN HARGA BARANG ANTARA SATU TEMPAT DENGAN TEMPAT YANG LAIN JUGA AKAN DAPAT DIKURANGKAN DI SAMPING MEMBANTU MEMBANGUNKAN KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL.

KATANYA, KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL YANG AKAN MENDAPAT KEMUDAHAN DARI PEMBINAAN LEBUHRAYA TERSEBUT SUDAH PASTI AKAN MENIKMATI BERBAGAI KEUNTUNGAN TERMASUK HARGA BARANG YANG MURAH DARI SEKARANG KERANA MEMPUNYAI SISTEM JALANRAYA YANG BAIK. —BERSAMBUNG 1543/1B

B543

MAHATHIR-LEBUHRAYA 3 BUKIT KAYU HITAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN AKAN DAPAT MENGURANGKAN KEMALANGAN LEBUHRAYA KERANA MEMPUNYAI EMPAT LORONG BERBANDING DENGAN DUA DALAM SISTEM JALANRAYA SEKARANG.

BELIAU MEMINTA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA MEMPASTIKAN PEMBINAAN LEBUHRAYA TERSEBUT DIJALANKAN SERENTAK DI SEMUA TEMPAT DAN TIDAK SEDIKIT DEMI SEDIKIT.

DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, KERJA-KERJA PEMBINAAN DAPAT DIPERCEPATKAN DISAMPING MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA ANAK-ANAK TEMPATAN YANG TINGGAL DI SEPANJANG PROJEK TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGARAHKAN LEMBAGA MENGAJUI KEMUNGKINAN MENEMPATKAN SEORANG WAKIL DI NEGERI KEDAH UNTUK MENYELARASKAN DAN MENGATASI MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL KELAK.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN PERINGKAT BUKIT KAYU HITAM-JITRA SEPANJANG 15 BATU AKAN MENELAN BELANJA \$33.13 JUTA DAN DIJANGKA SIAP DISEMBER 1983.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN APABILA SIAP DALAM MASA ENAM TAHUN AKAN MENGHUBUNGKAN BUKIT KAYU HITAM DENGAN JOHOR BAHARU MELALUI JITRA, SUNGAI PETANI, BUTTERWORTH, CHANGKAT JERING, IPOH, KUALA LUMPUR, AIR HITAM DAN TAMPOI.—BER-SAMBUNG 1557/AM

TERDAHULU, DATUK SAMY VELLU DALAM UCAPANNYA BERKATA KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENGENAKAN BAYARAN TOL ATAS PENGGUNA-PENGGUNA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN SEPERTI YANG DIAMALKAN DI LEBUHRAYA TANJONG MALIM-SLIM RIVER.

BAGAIMANAPUN, BUAT SEMENTARA WAKTU BAHAGIAN LEBUHRAYA BUKIT KAYU HITAM-JITRA TIDAK AKAN DIKENAKAN BAYARAN TOL.

BELIAU MENYATAKAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN AKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI RANGKAIAN LEBUHRAYA ASIA YANG MENGHUBUNGKAN TURKI DENGAN SINGAPURA.

KATANYA, PEMBAYARAN TOL YANG AKAN DIKENAKAN ITU JUGA DILAKSANAKAN DI NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK INDONESIA, NEGERI TAHAI DAN FILIPINA.

PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA YANG TIDAK MAHU MENGGUNAKAN LEBUHRAYA TERSEBUT MASIH BOLEH TERUS MENGGUNAKAN JALANRAYA UTARA-SELATAN YANG ADA SEKARANG TANPA APA-APA BAYARAN.--BERSAM-

MAHATHIR-LEBUHRAYA 5 BUKIT KAYU HITAM

MENGENAI LEBUHRAYA SELATAN, DATUK SAMY VELLU BERKATA KEMUDAHAN TEMPAT RIHAT SEPERTI TEMPAT MAKAN, PENGINAPAN DAN STESYEN MINYAK AKAN DIBINA DI SEPANJANG LEBUHRAYA ITU UNTUK KESENYAMANAN DAN KESELESAAN PARA PENGGUNA.

KATANYA, JALANRAYA YANG ADA SEKARANG SUDAH TIDAK DAPAT LAGI MENAMPUNG KEPERLUAN KENDERAAN YANG BERTAMBAH DENGAN PESATNYA DAN KERAJAAN MEMPUYAI DUA RANCANGAN UNTUK MENGATASINYA.

RANCANGAN PERTAMA JALANRAYA YANG BARU DIBINA DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR BAGI MENGALIRKAN KENDERAAN SUPAYA TIDAK ME-SUKI KAWASAN PUSAT BANDAR.

DENGAN DEMIKIAN, KESESAKAN LALULINTAS DI PUSAT-PUSAT BANDAR AKAN DAPAT DIATASI.

RANCANGAN KEDUA MELIBATKAN LEBUHRAYA PEMBINAAN UTARA-SELATAN YANG DAPAT MENGELAKKAN KENDERAAN DARI MELALUI KAWASAN-KAWASAN BANDAR DI SAMPING MENDEKATKAN JARAK ANTARA SATU BANDAR DENGAN BANDAR YANG LAIN.--BERNAMA 1610/AM